

15 JUL 1998

Najib-Audit

AGENSI BRITAIN AKAN BANTU AUDIT STANDARD IPT TEMPATAN

Oleh: Wan A. Hulaimi

LONDON, 15 Julai (Bernama) -- Kementerian Pendidikan akan bekerjasama dengan sebuah agensi pendidikan Britain untuk mengkaji prestasi institusi-institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) tempatan bagi memastikan ianya mencapai standard yang boleh diterima.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, usaha mengadakan audit itu adalah hasil perbincangan dengan dua badan penting di Britain iaitu Badan Pembiayaan Majlis Pendidikan UK dan Agensi Penjamin Mutu.

Audit itu akan dijalankan dengan bekerjasama pihak Lembaga Akreditasi Negara (LAN), kata beliau dalam sidang berita di Jabatan Pendidikan dan Tenaga Kerja selepas pertemuannya dengan David Blunkett, Setiausaha Negara di jabatan itu.

"Mereka dijadualkan mengadakan audit di Malaysia terhadap beberapa IPTS yang menjalankan program berkembar dengan institusi pendidikan di sini, terutama sekali 10 buah kolej IPTS yang diberi kebenaran menjalankan program 3+0," katanya.

Program 3+0 ialah singkatan bagi kursus ijazah tiga tahun yang dijalankan sepenuhnya di Malaysia dengan penuntut tidak perlu ke institusi pengajian tinggi di luar negara untuk menamatkan kursus itu.

Di samping itu agensi penjamin mutu itu juga akan memberi segala maklumat tentang kajian prestasi dan kewibawaan universiti dan kolej yang telah dilakukan oleh mereka di UK setiap tahun kepada pihak Malaysia untuk panduan dan maklumat kita, kata Najib.

Mengenai pertemuannya dengan Blunkett, Najib berkata beliau membincangkan hasrat Malaysia menjadi pusat kecemerlangan pendidikan serantau seperti yang telah disuarakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sementara itu empat buah universiti di Britain - Sheffield, Bristol, Birmingham dan De Montfort - sedang menyiapkan program terperinci mereka untuk mengadakan "kampus luar pesisir" di Malaysia, katanya.

Apabila ditanya sama ada penubuhan universiti-universiti seperti ini bercanggah dengan peruntukan Akta Bahasa Kebangsaan yang menggariskan keperluan bahasa pengantar, Najib berkata akta pendidikan tinggi swasta ada peruntukan yang membolehkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

"Bagaimanapun kita akan memastikan Bahasa Kebangsaan tidak dipinggirkan. Apabila cawangan universiti luar ini ditubuhkan ada tiga mata pelajaran yang kita wajibkan diajar dalam Bahasa Kebangsaan, iaitu Pengajian Malaysia, Pendidikan Moral dan Islam serta Bahasa Malaysia untuk warganegara dan bukan warganegara."

Selain itu kita akan menentukan supaya pentadbiran universiti itu menggunakan Bahasa Kebangsaan dan juga dalam konteks dan situasi tertentu, katanya.

Najib berkata perbincangannya dengan Blunkett turut meliputi keperluan guru-guru Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah di Malaysia.

Berkenaan dengan permintaannya supaya penuntut-penuntut Malaysia yang tamat pengajian dalam bidang iktisas dibenarkan bekerja di sini buat sementara waktu memandangkan kegawatan di tanahair, beliau berkata perkara itu akan disusuli dengan perbincangan lanjut bersama Kerajaan Britain.

Setakat ini Setiausaha Pendidikan dan Tenaga Kerja David Blunkett bersetuju secara prinsip dan ada kemungkinan kerajaan British boleh menimbang untuk membenarkan mereka bekerja bagi tempoh jangka pendek.

Najib juga berharap penuntut-penuntut Malaysia yang merasakan bahawa wajar bagi mereka untuk bekerja di sini dahulu sebelum pulang akan memaklumkan kepada pesuruhjaya Malaysia di sini ataupun kepada Jabatan Penuntut Malaysia supaya kerajaan boleh mendapatkan gambaran tentang kedudukan semasa dalam hal itu.

Najib yang tiba di sini Sabtu lepas untuk lawatan seminggu atas jemputan pihak British, akan meneruskan program lawatannya dengan bertemu Setiausaha Luar Robin Cook di samping perbincangan dengan wakil-wakil sektor akademik dan industri.

-- BERNAMA

WAH PR